



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63
No. 3

31hb Januari 2019

TAMBAHAN
No. 1

No. 196.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 40.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap

Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas

kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Seberang Perai.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Seberang Perai sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan perseimbahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan, 1976, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai telah disimpan dengan sempurna menurut Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

KEPALA BATAS
Bertarikh 5 Julai 2018

DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

“Saya, Shahrulnizad bin Abdul Razak, Pengarah Perbandaraan pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkunun, 1960.”

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, di Butterworth, Pulau Pinang pada 28 Februari 2018

Di hadapan Saya,

FAIZAL BIN ABU BAKAR
(Pesuruhjaya Sumpah)
Malaysia

PENYATA YANG DIPERTUA DAN SEORANG AHLI MAJLIS

“Kami, Dato’ Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud dan H’ng Mooi Lye yang merupakan Yang Dipertua dan salah seorang Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.”

Bagi Pihak Majlis,

Bagi Pihak Majlis,

Nama: Dato’ Sr Haji Rozali
bin Haji Mohamud

Nama: H’ng Mooi Lye

Jawatan: Yang Dipertua
Menara MPSP,
Bandar Perda,
Bukit Mertajam

Jawatan: Ahli Majlis
Menara MPSP,
Bandar Perda,
Bukit Mertajam

Tarikh: 28 Februari 2018

Tarikh: 28 Februari 2018

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

31hb Jan. 2019]

191

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171])

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2017 DALAM TEMPOH (PERALIHAN)

	Nota	31-12-2017 RM	31-12-2016 RM (Dinyatakan Semula)	1-1-2016 RM (Dinyatakan Semula)
ASET				
Aset Semasa				
Wang Tunai dan Baki di Bank	6	10,805,718	8,776,636	14,836,315
Simpanan Tetap	7	102,027,079	149,369,883	166,557,963
Penghutang	8	26,314,284	22,493,950	21,570,273
Pelbagai Belum Terima Lain	9	5,675,994	6,649,406	3,869,028
		-----	-----	-----
		144,823,075	187,289,875	206,833,579
		-----	-----	-----
Aset Bukan Semasa				
Hartanah, Loji dan Peralatan	10	224,195,507	232,284,352	240,297,080
Penghutang Pinjaman	11	296,216	378,347	338,469
Projek Khas Pembetungan	11	—	—	94,754,175
		-----	-----	-----
		224,491,723	232,672,699	335,389,724
		-----	-----	-----
JUMLAH ASET		369,314,798	419,962,574	542,223,303
		-----	-----	-----
LIABILITI				
Liabiliti Semasa				
Pelbagai Belum Bayar Lain	12	19,905,573	20,766,060	29,049,836
Cagaran-cagaran	13	12,207,137	10,695,253	9,824,252
Akaun Amanah	14	1,437,797	1,524,003	1,527,166
Pendapatan Tertunda	15	4,386,592	4,519,566	4,654,985
Hutang Pinjaman Dari Kerajaan Negeri	16	5,185,300	4,312,510	4,227,950
		-----	-----	-----
		43,122,399	41,817,392	49,284,189
		-----	-----	-----
Liabiliti Bukan Semasa				
Pinjaman Dari Kerajaan Negeri	16	59,051,757	66,149,839	70,546,910
Hutang Pembetungan Kerajaan Persekutuan	17	—	—	118,109,936
Pinjaman Pembetungan Kerajaan Persekutuan	18	—	—	160,881,154
		-----	-----	-----
		59,051,757	66,149,839	349,538,000
		-----	-----	-----
JUMLAH LIABILITI		102,174,156	107,967,231	398,822,189
		-----	-----	-----
ASET BERSIH		267,140,642	311,995,343	143,401,114
		-----	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

192

[31hb Jan. 2019]

	Nota	31-12-2017 RM	31-12-2016 RM (Dinyatakan Semula)	1-1-2016 RM (Dinyatakan Semula)
ASET BERSIH/EKUTI				
Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan	19	36,014,835	63,837,724	55,291,349
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	20	1,700,000	1,700,000	1,700,000
Lebihan Terkumpul		229,425,807	246,457,619	86,409,765
		-----	-----	-----
		267,140,642	311,995,343	143,401,114
		-----	-----	-----
PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)				
	Nota	2017 RM	2016 RM (Dinyatakan Semula)	
HASIL DARIPADA TRANSAKSI BUKAN PERTUKARAN				
HASIL CUKAI				
Kadar Taksiran	22	173,617,487	165,127,891	
Sumbangan Membantu Kadar	23	8,374,446	8,518,109	
Lesen dan Permit	24	15,919,092	12,560,444	
Denda dan Hukuman	25	7,974,271	6,104,853	
		-----	-----	
		205,885,296	192,311,297	
		-----	-----	
HASIL PINDAHAN				
Geran	26	16,900,000	5,000,000	
Pelbagai Terimaan	27	561,819	206,778	
Pendapatan Kredit Tertunda (Aset)	28	132,974	135,419	
Terimaan Lain	29	5,048,260	4,766,362	
		-----	-----	
		22,643,053	10,108,559	
		-----	-----	
HASIL DARIPADA TRANSAKSI PERTUKARAN				
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	30	16,930,809	17,462,642	
Perolehan dari Jualan Barang-barang Sewaan	31	251,655	248,045	
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	32	11,403,511	10,599,239	
	33	5,371,068	6,759,809	
		-----	-----	
		33,957,043	35,069,735	
		-----	-----	

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

31hb Jan. 2019]

193

	Nota	2017 RM	2016 RM (Dinyatakan Semula)
HASIL PELBAGAI			
Keuntungan Pelupusan Aset	416,386	213,033	
Pelupusan Aset dan Liabiliti	—	184,236,915	
Pembentungan	—	—	
	416,386	184,449,948	
	—	—	
JUMLAH PENDAPATAN	262,901,778	421,939,539	
	—	—	
PERBELANJAAN OPERASI			
Emolumen	34	74,471,257	74,049,790
Perbelanjaan Perjalanan dan	35	1,930,684	2,701,199
Sara Hidup			
Perhubungan dan Utiliti	36	7,801,091	6,338,589
Sewaan	37	2,253,665	2,228,144
Bekalan Bahan-bahan Mentah untuk	38	6,675,843	6,171,029
Penyelenggaraan dan Pembaikan			
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	39	2,035,104	2,038,230
Penyelenggaraan dan Pembaikan	40	30,152,393	30,089,379
Kecil Yang Dibeli			
Perkhidmatan Ikhtisas dan	41	113,041,905	105,897,784
Perkhidmatan Lain yang Dibeli			
dan Hospitaliti			
Pemberian Dalam Negeri	42	495,840	615,816
Tuntutan Insurans dan Pampasan	43	173,200	27,148
Faedah, Dividen dan Kenaan	44	997,364	683,615
Bayaran Hutang Pinjaman			
Pulang Balik dan Hapus Kira	45	755,738	2,676,082
Pelepasan Cukai Dihapus Kira	46	6,844,120	5,934,131
Rebat Cukai Taksiran	47	10,151,081	—
Bayaran Cukai, Komisen, Insurans	48	8,158,922	4,158,854
dan Perintah Mahkamah			
Susutnilai Hartanah, Loji dan	49	10,545,502	10,325,993
Peralatan			
	—	—	
Jumlah Perbelanjaan	276,483,637	253,935,783	
	—	—	

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

194

[31hb Jan. 2019]

	Nota	2017 RM	2016 RM (Dinyatakan Semula)
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN			
Bangunan dan Pembaikan Bangunan	50	34,352	1,072,086
Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan	51	1,475,077	4,585,197
Jumlah Perbelanjaan Pembangunan		1,509,429	5,657,283
		-----	-----
PERBELANJAAN HARTA MODAL			
Kenderaan dan Jentera	52	430,175	544,798
Harta Modal-Harta Modal Yang Lain	53	1,510,382	1,753,846
Jumlah Perbelanjaan Harta Modal		1,940,557	2,298,644
JUMLAH PERBELANJAAN KESELURUHAN		279,933,623	261,891,710
(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN SEMASA		(17,031,845)	160,047,829
		-----	-----

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
2016				
Baki pada 1 Januari 2016	55,291,349	1,700,000	86,409,765	143,401,114
Kesan peralihan kepada MPSAS	—	—	—	—
Pelarasan tahun lalu	—	—	25	25
Baki pada 1 Januari 2016 (dinyatakan semula)	55,291,349	1,700,000	86,409,790	143,401,139
Tambahan pada tahun semasa	—	—	—	—
Lebihan bersih tahun semasa	—	—	160,047,829	160,047,829
Penerimaan tahun semasa	8,546,375	—	—	8,546,375
Baki pada 31 Disember 2016	63,837,724	1,700,000	246,457,619	311,995,343
	-----	-----	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

31hb Jan. 2019]

195

	Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
2017				
Baki pada 1 Januari 2017	63,837,724	1,700,000	246,457,619	311,995,343
Pelarasan tahun lalu	—	—	33	33
Baki pada 1 Januari 2017 (dinyatakan semula)	<u>63,837,724</u>	<u>1,700,000</u>	<u>246,457,652</u>	<u>311,995,376</u>
Tambahan pada tahun semasa	—	—	—	—
Kurangan bersih tahun semasa	(27,822,889)	—	(17,031,845)	(44,854,734)
Penerimaan tahun semasa	—	—	—	—
Baki pada 31 Disember 2017	<u>36,014,835</u>	<u>1,700,000</u>	<u>229,425,807</u>	<u>267,140,642</u>
	<u>-----</u>	<u>-----</u>	<u>-----</u>	<u>-----</u>

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

31-12-2017	31-12-2016
RM	RM
	(Dinyatakan Semula)

**ALIRAN TUNAI DARIPADA
AKTIVITI OPERASI**

(Kurangan)/Lebihan Pendapatan dari Operasi Biasa	(17,031,845)	(24,189,086)
Pelupusan Aset dan Liabiliti Pembentungan	—	184,236,915
Dinyatakan semula	<u>(17,031,845)</u>	<u>160,047,829</u>
 Pelarasan untuk:		
Susut Nilai Semasa	10,545,502	10,325,993
Pelarasan tahun lalu	33	25
Hapus Kira	520,639	29,464
Hutang Ragu dan Lapuk Dihapus Kira untuk Bangunan, Tanah dan Sumbangan Membantu Kadar	407,188	254,239
Pelepasan Cukai Dihapus Kira	6,844,120	5,934,131
Rebat Cukai Taksiran	10,151,081	—
Faedah Dibayar	997,364	683,615
Faedah Diterima	(5,371,068)	(6,759,809)
 (Kurangan)/Lebihan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	<u>7,063,014</u>	<u>170,515,487</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

196

[31hb Jan. 2019]

	31-12-2017 RM	31-12-2016 RM (Dinyatakan Semula)
(Kurangan)/Lebihan Dalam Penghutang	(3,820,334)	(923,677)
(Kurangan) Dalam Pelbagai Belum	(16,428,977)	(8,968,748)
Terima lain		
(Kurangan)/Lebihan Dalam Penghutang	(83,910)	(39,878)
Pinjaman		
(Kurangan)/Lebihan Pelbagai Belum	(860,487)	(8,283,776)
Bayar lain		
Tambahan Cagaran	1,511,884	871,001
(Kurangan)/Tambahan Akaun Amanah	(86,206)	(3,163)
(Kurangan) Pendapatan Tertunda	(132,974)	(135,419)
	-----	-----
Tunai Bersih (Digunakan)/Dijana	(12,837,990)	153,031,827
Daripada Aktiviti Operasi	-----	-----
	-----	-----
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Belian Hartanah, Loji dan Peralatan	(2,967,296)	(2,352,729)
Faedah Diterima	5,371,068	6,759,809
	-----	-----
Tunai Bersih Dijana Dari/(Digunakan)	2,403,772	4,407,080
untuk Aktiviti Pelaburan	-----	-----
	-----	-----
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Pemberian Pinjaman Jangka Panjang	872,790	84,560
Faedah Dibayar	(997,364)	(683,615)
(Kurangan)/Lebihan Pemberian Pinjaman	(7,098,082)	(4,397,071)
Kerajaan Negeri Jangka Panjang		
(Kurangan)/Lebihan Dalam Penghutang	83,910	—
Pinjaman		
(Kurangan)/Lebihan Projek Khas	82,131	(184,236,915)
Pembetungan dan Pinjaman		
Penerimaan Kumpulan Wang Perkhidmatan	(27,822,889)	8,546,375
Kemajuan		
	-----	-----
Tunai Bersih Dijana Daripada Aktiviti	(34,879,504)	(180,686,666)
Pembentukan	-----	-----
	-----	-----
(Kurangan)/Lebihan Bersih Dalam Tunai	(45,313,722)	(23,247,759)
dan Persamaan Tunai		
Tunai dan Persamaan Tunai Pada Awal	158,146,519	181,394,278
Tahun		
	-----	-----
Tunai dan Persamaan Tunai Pada Akhir	112,832,797	158,146,519
Tahun	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

31hb Jan. 2019]

197

31-12-2017	31-12-2016
RM	RM
	(Dinyatakan Semula)

**Tunai dan Persamaan Tunai Terdiri
Daripada:**

(i) Wang Tunai dan Baki di Bank	10,805,718	8,776,636
(ii) Simpanan Tetap	102,027,079	149,369,883
	-----	-----
	112,832,797	158,146,519
	-----	-----

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

JUMLAH BAJET	Jumlah	Varian Bajet [^]	
Asal	Akhir	Sebenar	RM
RM	RM	RM	RM

PENERIMAAN

Hasil Cukai	178,850,037	178,850,037	181,991,933	(3,141,896)
Hasil bukan cukai	69,366,330	69,366,330	57,771,466	11,594,864
Terimaan bukan hasil	9,100,000	9,100,000	9,776,808	(676,808)
	-----	-----	-----	-----
	257,316,367	257,316,367	249,540,207	7,776,160
	-----	-----	-----	-----

PEMBAYARAN

Emolumen	86,241,090	84,281,090	74,471,257	9,809,833
Perkhidmatan dan bekalan	162,321,629	171,788,050	163,890,613	7,897,437
Pembangunan dan harta modal	12,514,912	7,987,491	3,449,986	4,537,505
Pemberian dan kenaan bayaran tetap	8,328,977	8,102,077	1,666,403	6,435,674
Perbelanjaan lain	9,723,600	6,971,500	8,303,108	(1,331,608)
	-----	-----	-----	-----
	279,130,208	279,130,208	251,781,367	27,348,841
	-----	-----	-----	-----
PENERIMAAN BERSIH	(21,813,841)	(21,813,841)	(2,241,160)	(19,572,681)
	-----	-----	-----	-----

[^] Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

NOTA 1: MAKLUMAT UMUM

Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

Selain daripada perlaksanaan peruntukan-peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], pihak Majlis juga menggunakan pakai Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

Majlis Perbandaran Seberang Perai merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

Alamat prinsipal dan berdaftar Majlis adalah di Majlis Perbandaran Seberang Perai, Menara MPSP, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

NOTA 2: ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Majlis telah disediakan dengan mengambil kira Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Sebelum ini penyata kewangan disediakan menggunakan Piawaian Perakaunan “*International Public Sector Accounting Standard*” (IPSAS).

- (a) Bermula daripada tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2017, Majlis telah menggunakan pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) seperti:

- MPSAS 1 — Pembentangan Penyata Kewangan
- MPSAS 2 — Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3 — Dasar Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 5 — Kos Pinjaman
- MPSAS 9 — Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran
- MPSAS 13 — Pajakan
- MPSAS 14 — Peristiwa Selepas Tarikh Laporan
- MPSAS 19 — Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 23 — Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pemindahan)
- MPSAS 24 — Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan

- (b) Berikut adalah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang belum diguna pakai:

- MPSAS 12 — Inventori
- MPSAS 16 — Pelaburan Hartanah
- MPSAS 17 — Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 21 — Aset Rosot Nilai bagi Penjanaan Bukan Tunai
- MPSAS 25 — Manfaat Kakitangan
- MPSAS 26 — Aset Rosot Nilai Bagi Penjanaan Tunai
- MPSAS 31 — Aset Tak Ketara
- MPSAS 33 — Asas Akruan MPSAS

(c) Berikut adalah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang tidak diguna pakai:

- MPSAS 4 — Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing
- MPSAS 6 — Penyata Kewangan Disatukan dan Entiti Kawalan Perakaunan
- MPSAS 7 — Perakaunan bagi Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu
- MPSAS 8 — Laporan Kewangan Dalam Syarikat Usaha sama
- MPSAS 11 — Kontrak Pembinaan
- MPSAS 15 — Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan
- MPSAS 18 — Laporan Segmen
- MPSAS 20 — Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 22 — Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Am
- MPSAS 27 — Pertanian
- MPSAS 28 — Instrumen Kewangan: Pembentangan
- MPSAS 29 — Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- MPSAS 30 — Instrumen Kewangan Pendedahan
- MPSAS 32 — Konsesi Perkhidmatan Penyusunan: Pemberi
- MPSAS 34 — Penyata Kewangan Berasingan
- MPSAS 35 — Penyata Kewangan Disatukan
- MPSAS 36 — Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama
- MPSAS 37 — Pengaturan bersama
- MPSAS 38 — Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain

NOTA 3: TARIKH PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan telah disahkan oleh Anggota Majlis pada 5 Mac 2018.

NOTA 4: POLISI RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN

Polisi risiko pengurusan kewangan Majlis adalah bertujuan untuk memastikan sumber kewangan Majlis adalah mencukupi untuk pembangunan aktiviti Majlis dalam menguruskan risiko mata wang, risiko kadar faedah, risiko kredit pasaran, risiko kecairan dan risiko aliran tunai Majlis. Polisi-polisi yang berkaitan aktiviti-aktiviti kewangan adalah seperti berikut:

(a) Risiko Mata Wang

Majlis tidak terdedah kepada risiko mata wang yang serius memandangkan tiada urus niaga yang ketara dijalankan dengan menggunakan mata wang asing.

(b) Risiko Kadar Faedah

Majlis memperolehi kemudahan kewangan melalui pinjaman daripada Kerajaan Negeri yang diperolehi pada kadar faedah yang berpatutan.

(c) Risiko Pasaran

Majlis tidak terdedah kepada risiko pasaran kerana tiada pelaburan siarharga yang dimiliki oleh Majlis.

(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Majlis berupaya menyediakan jumlah tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja. Sebarang lebihan dana akan dilaburkan di dalam simpanan tetap di institusi kewangan berlesen pada kadar faedah yang paling kompetitif.

(e) Nilai Saksama

Nilai saksama bagi aset dan liabiliti kewangan yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2017 adalah dinilai pada nilai bawaan aset dan liabiliti tersebut berdasarkan kecepatan dan kematangan jangka pendek instrumen kewangan tersebut.

NOTA 5: DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Kesemua dasar-dasar perakaunan utama yang dibentangkan di bawah adalah konsisten dan selaras dengan dasar-dasar yang diguna pakai pada tahun sebelumnya.

(a) Dasar Perakaunan

Penyata kewangan Majlis disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), selain daripada perkara yang dinyatakan di Nota 2 (b) dan (c).

(b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul. Tiada susut nilai diperuntukkan untuk kerja-kerja dalam perlaksanaan.

Tanah pajakan disusut nilai mengikut kos projek dan dilaraskan mengikut tempoh pajakan. Tanah milik bebas tidak disusut nilai.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus dengan menggunakan kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan	2%
Kenderaan	10%
Jentera	20%
Kelengkapan Komputer	20%
Alat-alat Pejabat	20%
Kelengkapan Perabot	20%

(c) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai yang boleh direalisasikan. Peruntukan hutang ragu akan dibuat untuk hutang yang telah dikenal pasti sebagai ragu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas baki hutang lama dan belum dapat dipungut.

Peruntukan umum hutang ragu bagi penghutang cukai taksiran adalah bagi tunggakan yang melebihi lima (5) tahun.

(d) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan pelaburan dalam instrumen pasaran wang. Kaedah tidak langsung digunakan bagi penyediaan Penyata Aliran Tunai.

(e) Pelbagai Belum Bayar Lain

Pelbagai belum bayar lain merujuk kepada pembiutang perniagaan dan lain-lain pembiutang yang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama bagi pertimbangan yang perlu dibayar pada masa hadapan bagi perkhidmatan yang diterima.

(f) Cagaran-cagaran

Cagaran-cagaran merupakan deposit yang diterima daripada pelanggan seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis dalam syarat permohonan. Deposit ini dinyatakan pada nilai ianya dibayar.

(g) Pendapatan Tertunda dan Pendapatan Kredit Tertunda

Pendapatan tertunda merupakan waran peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri berkenaan perolehan aset tetap yang dikira sebagai pendapatan tertunda manakala susut nilai aset tetap tersebut direkodkan sebagai perbelanjaan.

Pendapatan kredit tertunda merupakan nilai susut nilai aset tetap yang diiktiraf sebagai terimaan bukan hasil di dalam penyata prestasi kewangan Majlis.

(h) Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan

Kumpulan wang ini ditubuhkan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan terimaan daripada sumber-sumber tertentu bagi membiayai perbelanjaan atau projek yang telah ditentukan semasa tabung amanah tersebut diwujudkan.

Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Marris diwujudkan untuk mengakaunkan terimaan geran yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kerajaan Negeri. Geran ini akan digunakan untuk membiayai kos-kos penyelenggaraan termasuk pemeliharaan, penjagaan, pemulihan jalan, perabot tepi jalan, jambatan dan pembetungan (saliran) yang menjadi sebahagian daripada jalan.

(i) Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan

Majlis telah meluluskan penubuhan Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan sebanyak RM1,200,000 dan Kumpulan Wang Pinjaman Komputer berjumlah RM500,000. Kemudahan ini diberikan kepada kakitangan yang layak dengan kadar faedah yang dikenakan adalah sebanyak 4% berdasarkan kaedah baki berkurangan.

(j) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan merujuk kepada Geran Tahunan berdasarkan Kaedah Keseimbangan (GTBKK) yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Pemberian geran tersebut diiktiraf sebagai terimaan bukan hasil di dalam penyata pendapatan Majlis.

Lain-lain geran yang diterima dalam bentuk tunai untuk tujuan khas direkodkan di bawah Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan.

(k) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dari cukai taksiran, keuntungan simpanan tetap dan sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan.

(l) Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan adalah direkod dan diakaunkan untuk tempoh ianya dipertanggungkan. Bekalan, perkhidmatan dan kerja yang disempurnakan dan diterima sehingga 31 Disember boleh dikenakan kepada peruntukan tahun Kewangan berkenaan jika ianya dibayar dalam bulan terakru tahun berikutnya melalui Akaun Kena Bayar.

(m) Prinsip Akauntabiliti

Pihak Berkuasa Negeri akan meluluskan dan memberi kuasa kepada Majlis untuk melakukan pembayaran dari Kumpulan Wang Majlis melalui Bajet Tahunan. Kuasa membelanja yang dibenarkan dalam Bajet Tahunan adalah untuk maksud yang ditetapkan serta amaun yang diluluskan. Semua peruntukan yang dilulus tetapi tidak dibelanja dalam tahun kewangan berkenaan akan luput. Segala urus niaga Majlis akan diakaun dan dilaporkan dalam penyata kewangan Majlis.

(n) Manfaat Pekerja

Upah, gaji, bonus dan sumbangan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

Majlis membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) bagi pekerja yang memilih skim pencen. Caruman tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

	2017 RM	2018 RM
NOTA 6: WANG TUNAI DI BANK DAN DI TANGAN		
Wang tunai di bank	10,794,367	8,758,726
Wang tunai di tangan	11,351	17,910
-----	-----	-----
	10,805,718	8,776,636
-----	-----	-----

NOTA 7: SIMPANAN TETAP

Simpanan Tetap	102,027,079	149,369,883
-----	-----	-----

Deposit yang dilaburkan di institusi kewangan berlesen dengan kadar faedah dan kematangan deposit dianggarkan antara 3.40% hingga 4.10% dan dari 30 hari hingga setahun.

NOTA 8: PENGHUTANG

Penghutang—cukai taksiran bangunan*	23,910,917	21,072,370
Penghutang—cukai tanah	530,253	350,087
Penghutang—sumbangan membantu kadar	343,374	186,263
Penghutang—sewaan tanah	182,409	174,566
Penghutang—sewaan bangunan	491,751	344,733
Penghutang—sewaan gerai kompleks	345,494	117,101
Penghutang—sewaan gerai pasar awam	399,093	164,481
Penghutang—sewaan gerai pasar awam terbengkalai	110,993	84,349
-----	-----	-----
	26,314,284	22,493,950
-----	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

204

[31hb Jan. 2019]

	2017 RM	2018 RM
Penghutang—cukai bangunan	68,152,796	65,314,249
(-) Peruntukan hutang rugu cukai bangunan	(44,241,879)	(44,241,879)
	-----	-----
	23,910,917	21,072,370
	-----	-----
* Bangunan berpenghuni	5,017,684	3,191,854
Bangunan tidak berpenghuni	18,893,233	17,880,516
	-----	-----
	23,910,917	21,072,370
	-----	-----
Penghutang—cukai tanah	4,619,590	4,439,424
(-) Peruntukan hutang rugu cukai tanah	(4,089,337)	(4,089,337)
	-----	-----
	530,253	350,087
	-----	-----

Berikut adalah hutang lapuk dihapuskira dan peruntukan hutang rugu bagi tahun semasa.

	2017 RM	2018 RM
Penghutang—sumbangan membantu kadar	750,595	593,484
(-) Peruntukan hutang rugu caruman membantu kadar	(407,221)	(407,221)
	-----	-----
	343,374	186,263
	-----	-----
Hutang lapuk dihapuskira untuk bangunan, tanah dan sumbangan membantu kadar	277,576	254,239
Hutang rugu	—	—
	-----	-----
	277,576	254,239
	-----	-----

NOTA 9: PELBAGAI BELUM TERIMA LAIN

Penghutang Pinjaman kenderaan untuk kakitangan	119,796	143,431
Penghutang Pinjaman komputer untuk kakitangan	7,624	10,996

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

31hb Jan. 2019]

205

	2017	2018
	RM	RM
Penghutang—pungutan bersama	453,559	247,840
Wang dalam perjalanan	832,495	2,180,962
Cagaran bekalan	12,020	11,720
Pendahuluan projek	3,000	—
Faedah terakru	—	136,339
Pembayaran balik cukai barang dan perkhidmatan	4,247,500	3,918,118
—	—	—
	5,675,994	6,649,406
—	—	—

NOTA 10: HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2017

KOS

Baki Pada 1-1-2017	Belian	Pindahan/ Pelarasan	Jualan	Aset Dihilang- kira	Baki Pada 31-12-2017
RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah	34,622,419	33	—	(1)	34,622,475
Tanah Pajakan	9,052,437	—	—	—	9,052,437
Bangunan	201,027,384	—	—	—	202,699,853
Kenderaan	64,655,353	351,208	—	(1,768,093)	63,238,468
Kelengkapan Komputer	5,687,157	694,829	—	(35,904) (379,554)	5,966,528
Alat-alat Pejabat	3,527,692	166,497	—	— (302,600)	3,391,589
Kelengkapan Perabot	511,844	9,000	—	— (1,200)	519,644
Jentera	3,193,840	73,260	—	— —	3,267,100
-----	-----	-----	-----	-----	-----
	322,278,150	1,294,827	1,672,469	(1,803,998) (683,354)	322,758,094

SUSUT NILAI TERKUMPUL

	Baki Pada 1-1-2017	Pindahan/ Pelarasan	Susut Nilai Semasa	Aset yang dijual	Susut Nilai dihapus- kira	Baki Pada 31-12-2017
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah	—	—	—	—	—	—
Tanah Pajakan	2,996,728	—	103,162	—	—	3,099,890
Bangunan	46,904,816	—	4,018,512	—	—	50,923,328
Kenderaan	31,753,688	—	5,076,882	(1,569,925)	—	35,260,645
Kelengkapan	3,531,175	—	656,770	(15,402)	(377,916)	3,794,627)
Komputer						
Alat-alat Pejabat	2,379,818	—	290,150	—	(2,280)	2,667,688
Kelengkapan Perabot	501,358	—	2,772	—	(1,190)	502,940
Jentera	1,916,215	—	397,254	—	—	2,313,469
	-----	-----	-----	-----	-----	-----
	89,983,798	—	10,545,502	(1,585,327)	(381,386)	98,562,587

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

206

[31hb Jan. 2019]

2016

KOS

	Baki Pada 1-1-2016	Belian	Pindahan/ Pelarasian	Jualan	Aset Dihapus- kira	Baki Pada 31-12-2016
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah	34,622,388	25	—	(1)	—	34,622,443
Tanah Pajakan	9,052,437	—	—	—	—	9,052,437
Bangunan	201,027,384	—	—	—	—	201,027,384
Kenderaan	65,927,149	142,351	—	(1,414,147)	—	64,655,353
Kelengkapan Komputer	4,739,042	1,097,779	—	(53,596)	(96,068)	5,687,157
Alat-alat Pejabat	2,963,555	655,069	—	—	(90,932)	3,527,692
Kelengkapan Perabot	511,844	—	—	—	—	511,844
Jentera	2,736,335	457,505	—	—	—	3,193,840
	-----	-----	-----	-----	-----	-----
	321,580,165	2,352,729	—	(1,467,744)	(187,000)	322,278,150
	-----	-----	-----	-----	-----	-----

SUSUT NILAI TERKUMPUL

	Baki Pada 1-1-2016	Pelarasian	Susut Nilai Semasa	Susut Nilai Aset yang dijual	Susut Nilai Aset yang dihapus- kira	Baki Pada 31-12-2016
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah Pajakan	2,893,607	—	103,121	—	—	2,996,728
Bangunan	42,886,304	—	4,018,512	—	—	46,904,816
Kenderaan	28,074,517	—	5,093,198	(1,414,027)	—	31,753,688
Kelengkapan Komputer	3,106,818	—	546,041	(25,776)	(95,908)	3,531,175
Alat-alat Pejabat	2,233,564	—	235,823	—	(89,569)	2,379,818
Kelengkapan Perabot	497,440	—	3,918	—	—	501,358
Jentera	1,590,835	—	325,380	—	—	1,916,215
	-----	-----	-----	-----	-----	-----
	81,283,085	—	10,325,993	(1,439,803)	(185,477)	89,983,798
	-----	-----	-----	-----	-----	-----

NILAI BUKU BERSIH

	Kos Pada 31-12-2017	Susut Nilai Terkumpul Pada 31-12-2017	Nilai Buku Bersih Pada 31-12-2017	Nilai Buku Bersih Pada 31-12-2016
	RM	RM	RM	RM
Tanah	34,622,475	—	34,622,475	34,622,443
Tanah Pajakan	9,052,437	3,099,890	5,952,547	6,055,709
Bangunan	202,699,853	50,923,328	151,776,525	154,122,568
Kenderaan	63,238,468	35,260,645	27,977,823	32,901,665
Kelengkapan Komputer	5,966,528	3,794,627	2,171,901	2,155,982
Alat-alat Pejabat	3,391,589	2,667,688	723,901	1,147,874
Kelengkapan Perabot	519,644	502,940	16,704	10,486
Jentera	3,267,100	2,313,469	953,631	1,277,625
	-----	-----	-----	-----
	322,758,094	98,562,587	224,195,507	232,294,352
	-----	-----	-----	-----

TANAH TAPAK PELUPUSAN SAMPAH

Bagi lot 1383, 1411 dan 1412 Mukim 11, Seberang Perai Selatan untuk tempat pelupusan sisa pepejal di Pulau Burung pemberi milikan tanah berjumlah RM345,214.00 perlu dibahagi sama rata antara Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Bayaran ini telah dibuat pada 7 Mac 2012 melalui Cek Bank Islam Malaysia Berhad bernombor 208970 dengan jumlah RM172,607.00. Status hak milik masih belum dikeluarkan dan di dalam tindakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan.

Tiga (3) lot tanah swasta iaitu lot 1383, 1411 dan 1412 Mukim 11, Seberang Perai Selatan (Pulau Burung) telah diambil balik untuk tujuan tapak pelupusan sisa pepejal dengan harga asal berjumlah RM10,381,514. Kos pengambilan tanah ini dikongsi oleh MBPP dan MBSP. Kedua-dua Majlis telah membayar RM5,190,757 seperti yang diarahkan oleh Pihak Berkusa Negeri.

Tuan-tuan tanah kepada lot 1412 telah membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi untuk bayaran pampasan tambahan dan bayaran ini telah dijelaskan. Rujuk Nota 11.

Bayaran-bayaran yang dibuat:

	Jumlah RM	Tarikh
(i) Bayaran pampasan mengambil tanah atas lot 1383, 1411, 1412 Mukim 11, Seberang Perai Selatan	5,190,757	14-9-1995
(ii) Bayaran pampasan tambahan pengambilan balik tanah atas lot 1412 Mukim 11, Seberang Perai Selatan	98,474	5-7-1996
(iii) Bayaran pampasan tambahan kos pengambilan balik tanah atas lot 1411 Mukim 11, Seberang Perai Selatan	1,001,875	29-8-1996

Pada 29 Februari 2012, Majlis telah membayar kos pendaftaran hak milik sementara dengan jumlah RM345,214 dan dibahagi sama rata dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang melalui surat MPSP/80/10-15/42 Jilid 3, berjumlah RM172,607. Rujuk Nota 11.

	2017 RM	2016 RM
NOTA 11: PENGHUTANG PINJAMAN DAN PROJEK KHAS PEMBENTUNGAN		
Penghutang Pinjaman kenderaan untuk kakitangan	287,782	359,304
Penghutang Pinjaman komputer untuk kakitangan	8,434	19,043
* Projek Khas Pembentungan	—	—
	-----	-----
	296,216	378,347
	-----	-----

* PROJEK KHAS PEMBENTUNGAN

Projek Sistem Pembentungan Najis untuk kawasan Metropolitan Butterworth dan Bukit Mertajam telah dibina mulai tahun 1981 dan disempurnakan pada tahun 1988. Pembiayaan pembangunan projek ini adalah diperolehi melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan. Jumlah kos projek adalah termasuk kos pembinaan dan kos pengambilan tanah. Projek ini adalah berunsurkan perkhidmatan atau kemudahan untuk kepentingan masyarakat. Aset-aset ini biasanya tidak dapat ditentukan usia penggunaannya dan nilainya tidak terdapat dalam keadaan sedia ada di pasaran. Justeru susut nilai tidak diperuntukkan. Akaun ini tidak ditutup kerana Kerajaan Persekutuan meminta ia ditangguhkan [rujuk surat daripada Kementerian Kewangan rujukan (36.00) 248/24/3-5 Jld. 3 bertarikh 30 Mei 1996]. Tindakan hapus kira hanya akan diambil selepas tanah tapak dan sistem pembentungan setiap peminjam diwartakan kepada Ketua Pengarah Tanah dan Tapak Galian dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan terlibat melalui surat dari Kementerian Kewangan Malaysia rujukan KK/BPKA/D2/(S)838/2 bertarikh 19 November 2013. Nota 17 mempunyai kaitan dengan nota ini. Walaubagaimanapun tindakan hapuskira telah dibuat pada tahun 2017 setelah menerima surat dari Kementerian Kewangan ANM/POPA/S3P/2/24 bertarikh 11 Januari 2017.

NOTA 12: PELBAGAI BELUM BAYAR LAIN

	2017 RM	2016 RM
Sumbangan Bersempena Kegiatan Majlis	527,289	551,681
Pemuitang (Akaun Kena Bayar)	8,224,853	10,398,509
Pelbagai Sipiutang (Projek Bangunan MPSP)	671,899	671,899
Bayaran Lebihan Cukai Bangunan	6,407,649	5,427,093
Bayaran Lebihan Cukai Tanah	3,437,911	3,096,438
Bayaran Lebihan Sewaan	53,129	44,288
Akaun Tergantung	659	6,462
Cek Yang Dibatalkan	307,231	284,346
Terimaan Terdahulu	190,603	167,849
Pemuitang—pungutan bersama	84,350	117,495
-----	-----	-----
	19,905,573	20,766,060
-----	-----	-----

NOTA 13: CAGARAN-CAGARAN

Cagaran Pelbagai	12,207,137	10,394,785
Bayaran Pembangunan Projek Pembentungan	—	300,468
-----	-----	-----
	12,207,137	10,695,253
-----	-----	-----

NOTA 14: AKAUN AMANAH

